

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB R. SIVARASA**
TARIKH : **17 MEI 2016 (SELASA)**
SOALAN :

YB R. SIVARASA [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa Kerajaan terlewat sangat memberi laporan-laporan yang diwajibkan di bawah Konvensyen Hak Kanak-kanak dan Konvensyen untuk Menghapuskan Diskriminasi terhadap wanita kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di 2012 dan 2008 masing dan bilakah Kerajaan akan menghantar laporan-laporan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses penyediaan laporan Negara bagi konvensyen antarabangsa seperti Konvensyen bagi Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen bagi Menghapuskan Segala Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) memerlukan penglibatan dan kerjasama perlbagai agensi Kerajaan, dan pihak berkepentingan termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) selain memastikan maklumat dan data yang disediakan tepat dan dikemaskini.

Draf Laporan Negara Kedua, Ketiga dan Keempat Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) telah selesai disediakan dan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada November 2015 untuk semakan sebelum ia dibentang untuk persetujuan Jemaah Menteri.

Bagi Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pula juga telah selesai disediakan serta telah disemak oleh Jabatan Peguam

Negara. Kementerian ini telah mengedarkan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan ulasan dari kementerian-kementerian serta agensi yang berkaitan dengan laporan pelaksanaan CEDAW ini pada 12 Mei 2016. Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima CEDAW ini dijangka akan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Jun 2016 dan seterusnya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW di Geneva juga pada bulan Jun 2016.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

TARIKH : 17.05.2016 (SELASA)

SOALAN : 19

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) dan setakat mana cadangan Kerajaan mewujudkan aplikasi Infodesa (i-Desa) bagi menyediakan maklumat asas kampung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) merupakan satu institusi di peringkat kampung yang ditubuhkan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan masyarakat dan penyampaian dasar-dasar semasa Kerajaan.

Perincian lanjut mengenai peranan dan fungsi JKKK dan JKKKP telah digariskan dalam Tatacara Pengurusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Tahun 2014 yang telah diedarkan kepada semua Kerajaan Negeri.

Pelbagai kursus dan seminar telah dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri untuk melahirkan JKKK dan JKKKP yang berwibawa bagi menggalas amanah yang diberikan. Antaranya ialah Program Outreach

JKKK/JKKKP, Lawatan Integrasi Desa dan Program Majlis Pembangunan Luar Bandar.

Aplikasi i-Desa

Aplikasi i-Desa ialah merupakan satu inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk meningkatkan capaian akses maklumat kampung kepada semua pihak yang terlibat dengan pembangunan luar bandar. Ianya telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 Disember 2015 sempena Majlis Perhimpunan JKKK/JKKKP Malaysia.

Aplikasi ini sedang ditambah baik dengan mengintegrasikan data dari Sistem Profail Kampung Peringkat Nasional (SPKPN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk penambahan data asas kampung; Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia (CHARMs), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) untuk maklumat geo spatial dan panduan navigasi serta Sistem Maklumat Kampung berasaskan GIS (SMKGIS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk penyediaan maklumat spatial projek-projek pembangunan luar bandar. Aplikasi ini juga akan diterbitkan dalam dwibahasa iaitu versi melayu dan Bahasa Inggeris.